

29/04/2002

Ahli Parlimen Baling tidak perlu berahsia

KUALA LUMPUR, Ahad - Ahli Parlimen Baling, Taib Azzamudden Md Taib perlu mendedahkan `rahsia besar' yang diketahuinya sebagai antara tanggungjawab sosial dan agama kepada masyarakat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, Taib Azzamudden tidak perlu berahsia kerana sebagai ulama, beliau perlu telus.

Katanya, walaupun orang ramai sudah tahu "rahsia" itu tetapi Taib Azzamudden perlu membuat pendedahan bagi meyakinkan orang ramai serta menghentikan fitnah yang dilemparkan penyokong Pas kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Pas sudah lama mengeksploitasi isu berkenaan sehingga menimbulkan kekeliruan dan menjejaskan imej Dr Mahathir.

"Dakwaan Taib Azzamudden bahawa beliau tidak tahu apa `rahsia besar' itu hanya akan mencemarkan namanya sebagai ulama dan juga bekas imam Masjid Negara," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam yang menyatakan Taib Azzamudden tidak tahu maksud "rahsia besar" yang dinyatakan Zainuddin itu.

Taib Azzamudden dilaporkan berkata, tidak perlu didedahkan rahsia itu jika perkara yang dikatakan rahsia sudah diketahui umum dan tidak lagi menjadi rahsia.

Zainuddin sebelum ini dilaporkan menggesa Taib Azzamudden mendedahkan perkara sebenar mengenai seorang pemimpin bergelar ulama bagi memulihkan perpaduan Melayu dan mengelak penyokong Pas terus melemparkan fitnah terhadap Dr Mahathir.

(END)